

11/01/1998

Agenda asing lumpuhkan ekonomi Malaysia

iewed by Adli Haikal

BUKU terbaru karangan Yahaya Ismail memperlihatkan sikap politik beliau yang pro-Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dengan kelahiran buku Mahathir Lawan Barat ini meletakkan Yahaya sebagai penulis politik yang tidak segan-segan menyatakan sikap politiknya yang sebenar. Sikap ini tentulah berbeza dengan gaya Yahaya dulu, yang banyak mengkritik kepemimpinan Dr Mahathir.

Mengapa terjadi begitu? Bagi mereka yang mengikuti perkembangan penulisan politiknya, tentu sedar bahawa Yahaya seorang yang berpegang kuat pada prinsip perjuangan.

Dia tidak mudah dipengaruhi seseorang tokoh politik. Dulu, dia kecam Dr Mahathir. Sekarang dia sokong pula. Ini membuktikan bahawa beliau penulis politik yang rasional dan melihat kemampuan dan sumbangan seorang tokoh politik tanpa prasangka.

Sekiranya kebaikan seorang tokoh politik itu melebihi kelemahannya, maka dia akan memberi sokongan kepada pemimpin berkenaan. Ini pendapat Yahaya yang diluahkan dalam buku ini.

Daripada buku ini jelas menunjukkan Yahaya menghormati kepemimpinan Dr Mahathir dan menganggap Perdana Menteri sebagai tokoh berwibawa dan berpengaruh bukan saja dalam arena politik Malaysia, malah di peringkat antarabangsa.

Dalam Mahathir Lawan Barat, penulis lebih menumpukan perjuangan Dr Mahathir untuk memulihkan maruah bangsa dan negara agar seluruh rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan mempunyai kedudukan setanding masyarakat di negara Barat.

Penulis membicarakan bagaimana Dr Mahathir mengharumkan nama Malaysia di mata dunia dan apakah kelebihan beliau sebagai pemimpin kelas dunia, kalau dibandingkan dengan Sukarno, Gamal Abdul Nasser dan Kwami Nakrumah yang pernah menjadi juara Dunia Ketiga pada masa lampau.

Selain itu, penulis juga membicarakan bagaimana Soros yang dianggap sebagai penyangak kerana menggugat pelbagai mata wang Asia dan siapa sebenarnya Soros. Yahaya memberi latar belakang Soros untuk pembaca mengenalinya dari dekat dan siapa di belakang Soros.

Penulis dengan panjang lebar menghuraikan agenda tertentu dari Amerika, pengurus dana asing dan golongan Yahudi yang tidak senang melihat kemunculan Malaysia dan ketokohan Dr Mahathir sebagai pemimpin dunia dari negara membangun. Justeru, golongan itu berusaha agar Malaysia lumpuh ekonominya dan Dr Mahathir hilang kekuasaan politik.

Sebagai seorang patriot, Yahaya menggesa rakyat menyokong kepemimpinan Dr Mahathir yang sedang menghadapi tekanan dari luar. Inilah masanya bagi seluruh rakyat, terutama ahli Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN), membuktikan sokongan yang tidak berbelah bagi terhadap kepemimpinan Dr Mahathir.

Buku Mahathir Lawan Barat ini patut dibaca segala lapisan rakyat yang ingin mengetahui agenda dan taktik kotor kuasa asing untuk melemahkan ekonomi negara dan menjatuhkan kepemimpinan Dr Mahathir.

Inilah masanya bagi setiap pemimpin parti dan rakyat memperlihatkan semangat patriotisme. Rakyat juga patut memahami dengan mendalam apakah yang menyebabkan ekonomi negara dan nilai ringgit kita merosot begitu teruk, supaya tidak mempunyai anggapan yang mengelirukan terhadap kepemimpinan negara.

Sebenarnya buku ini boleh menjadi bahan baik untuk rakyat memahami

perjuangan Perdana Menteri yang ingin menegakkan maruah bangsa dan negara pada mata dunia. Justeru, kelahiran Mahathir Lawan Barat kena pada masanya. Dalam keadaan negara menghadapi kejatuhan mata wang dan situasi ekonomi yang membimbangkan, maka seluruh rakyat hendaklah berdiri teguh bersama Perdana Menteri bagi menentang segala rancangan jahat dari luar negara.

(END)